

Syabas dan tahniah adik Ahmad Farhan Ansir

Written by Suliani Sedik

Friday, 30 January 2015 12:05 - Last Updated Friday, 30 January 2015 12:49

KOTA KINABALU:Warga Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz mengucapkan syabas dan tahniah

kepada adik Ahmad Farhan Ansir,11 kerana telah menjuarai program realiti Adik-adikku

musim kelima.

Persembahan bertenaga peserta berasal dari Tuaran, Sabah dengan membawa lagu Daripada

Kegelapan Kepada Cahaya melayakkannya beliau dinobatkan sebagai juara.

Ia adalah percubaan kedua Ahmad Farhan yang sebelum ini gagal melepasi sesi uji bakat musim

keempat.

"Kegagalan itu tidak mematahkan semangat saya, malah bekerja keras dan lebih bersedia dengan

Syabas dan tahniah adik Ahmad Farhan Ansir

Written by Suliani Sedik

Friday, 30 January 2015 12:05 - Last Updated Friday, 30 January 2015 12:49

pidato serta lontaran nas al-Quran dan hadis," katanya.

Farhan mengakui dia memberi tumpuan kepada teknik persembahan dan hafazan.

"Saya berterima kasih kepada ibu bapa yang banyak mengkritik agar saya memperbaiki kelemahan diri.

"Murabbi dan rakan seperjuangan banyak memberi dorongan," kata murid Sekolah Rendah Islam

Al-Hafiz Bandar Sierra, Kota Kinabalu yang mahu melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Syabas dan tahniah adik Ahmad Farhan Ansir

Written by Suliani Sedik

Friday, 30 January 2015 12:05 - Last Updated Friday, 30 January 2015 12:49

Program realiti kanak-kanak anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertujuan

melahirkan ikon kecil Islamik yang bersahsiah, bijak dan tawaduk.

Ahmad Farhan membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, pakej umrah, piala pusingan,

piala iringan, al-Quran Digital dan sijil penyertaan.



- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/20801#sthash.CFAa5eIA.dpuf> - See more at: <http://w>

www.hmetro.com.my/node/20801#sthash.CFAa5eIA.dpuf

- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/20801#sthash.CFAa5eIA.dpuf>

- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/20801#sthash.CFAa5eIA.dpuf>